

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 4 ( )

**MINIT MESYUARAT PENUH  
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA  
BIL. 4 TAHUN 2019**

**Tarikh** : 24 April 2019 (Rabu)

**Masa** : 10.00 pagi hingga 12.45 tengahari

**Tempat** : Bilik Mesyuarat Kenanga,  
Aras 2, Ibu Pejabat,  
Majlis Perbandaran Subang Jaya

**Kehadiran** : Seperti di Lampiran A

**1.0 BACAAN DOA**

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Mohd Amizi Bin Aminuddin, Penolong Pegawai Tadbir Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

**2.0 PERUTUSAN Pengerusi**

Puan Yang Dipertua memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 4/2019.

Seterusnya beliau menyampaikan beberapa perkara seperti yang berikut :

- i) Pelaksanaan program-program yang telah berlangsung sepanjang bulan April 2019. Gambar-gambar semasa program dilaksanakan juga ditayangkan.
- ii) Pemakluman Pengisytiharan Kepentingan Peribadi Bagi Mesyuarat Penuh. Semua ahli mesyuarat diwajibkan mengisytiharkan kepentingan peribadi ke atas sebarang keputusan yang dibincangkan dan hendaklah berkecuali dengan (menyatakan kepentingan dan berundur diri seketika) semasa perbincangan. Selaras dengan keputusan Mesyuarat MMKN bil 21/2018, Ahli Majlis diminta mengisi borang Pengisytiharan Kepentingan Ahli Mesyuarat setiap kali mesyuarat diadakan.
- iii) Pemakluman larangan menggunakan peralatan komunikasi semasa mesyuarat berlangsung.
- iv) Perkongsian berkaitan isu kesihatan mental. Menurut Dasar Kesihatan Mental Kebangsaan Malaysia, kesihatan mental adalah satu keadaan yang sejahtera di mana seseorang individu menyedari tentang keupayaan diri, dapat mengendalikan tekanan dengan baik, dapat bekerja secara produktif dan mampu menyumbang kepada masyarakat. Kesihatan mental adalah ekspresi emosi dan melambangkan keupayaan untuk menyesuaikan diri dalam pelbagai tekanan dan tuntutan hidup.

Kesihatan mental boleh terjejas disebabkan masalah sosio-ekonomi, pertukaran keadaan persekitaran/sosial secara mendadak, tekanan di tempat kerja, dan penyakit fizikal.

Mengikut Kajian Morbiditi Kesihatan, hampir 30% dari penduduk Malaysia mengalami pelbagai penyakit mental / psikiatri – dari anxiety, kemurungan, penyakit yang lebih serius seperti schizophrenia, percubaan membunuh diri dan lain-lain. Laporan terbaharu Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menunjukkan hampir 800,000 individu kehilangan nyawa akibat bunuh diri setiap tahun di seluruh dunia (satu nyawa bagi setiap 40 saat; kadar bunuh diri global - 11 orang bagi setiap 100,000 penduduk).

Isu kesihatan mental juga turut mendapat perhatian di peringkat Kerajaan Negeri Selangor dan dibincangkan di dalam Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Selangor tahun 2019. Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, MPSJ perlu merancang bukan sahaja dari segi perkhidmatan yang diperlukan, penjagaan dan lain-lain, malahan lebih dari itu seperti langkah-langkah pencegahan, intervensi awal, pembinaan resilience (jati diri) pengujudan “healthy future” dan sebagainya.

MPSJ telah mewujudkan sistem sokongan serta pencegahan kepada permasalahan psikologi bagi membantu warga kerja MPSJ melalui :

<b>BIL</b>	<b>PROGRAM</b>
1.	Program Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB)
2.	Ujian ' <i>Depression, Anxiety, Stress, Skill</i> ' (DASS)
3.	Hari Bersama Kaunselor
4.	Program Pementoran dan Coaching
5.	Program Gaya Hidup Sihat ( <i>Jom Fit</i> )
6.	Pemeriksaan Kesihatan Kepada Warga Kerja
7.	Insuran Rawatan Kesihatan

Secara tidak langsung program-program ini berjaya mengangkat martabat dan kualiti penyampaian perkhidmatan yang cemerlang kepada masyarakat di kawasan pentadbiran MPSJ.

Bagi membantu masyarakat di kawasan pentadbiran MPSJ, pelbagai usaha turut dilaksanakan dengan pelaksanaan program secara menyeluruh meliputi kanak-kanak, wanita, orang kurang upaya dan masyarakat setempat seperti berikut :

<b>BIL</b>	<b>PROGRAM</b>
1.	Program Pangsapuri dan Kampung Angkat
2.	Konvensyen Program Generasi Bestari (Smart Gen) MPSJ 2019
3.	Bandar Hijau Mesra Wanita
4.	Bandar Bebas Halangan
5.	Program Kebun Komuniti
6.	Program Pembangunan Sukan

7.	Konsultasi bersama Komuniti
8.	Seminar Usahawan Asas-asas Perniagaan
9.	Bengkel Kebudayaan Warisan
10.	Program Gaya Hidup Sihat Komuniti
11.	Program Jawatankuasa Penduduk (JKP)

Bagi mengenalpasti tahap kebahagiaan penduduk di kawasan pentadbiran, MPSJ juga turut melaksanakan Kajian Indeks Kesejahteraan (*Happiness Index*). Kaji selidik telah dilaksanakan selama 2 bulan bermula 1hb September sehingga 31hb Oktober 2018 dan sebanyak 797 responden telah menjawab kaji selidik ini. Parameter yang bersesuaian telah digunakan bagi mengukur tahap kesejahteraan psikologi masyarakat di kawasan MPSJ iaitu meliputi :

<b>BAHAGIAN</b>	<b>PERKARA</b>	<b>SANGAT SETUJU / SETUJU / SEDERHANA SETUJU</b>	<b>TIDAK SETUJU / SANGAT TIDAK SETUJU</b>
A	Latar Belakang Responden	-	-
B	Kebebasan dan Keselamatan	78%	22%
C	Kesihatan dan Persekitaran	78.50%	21.50%
D	Kewangan	72.60%	27.40%
E	Kerohanian dan Emosi	98.30%	1.70%
F	Am	89.67%	10.33%

- v) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (EXCO), Selangor Darul Ehsan ke 4/2019 yang diadakan pada 15 Februari 2019 setelah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan yang ke 5/2019 bertarikh 20 Februari 2019 telah menimbang dan bersetuju meluluskan pelaksanaan rebat Cukai Taksiran bagi harta bersama di dalam pembangunan strata (Pangsapuri Kos Rendah hingga Kos Sederhana di bawah harga RM250,000) di dalam kawasan pentadbiran MPSJ.

Jenis pegangan dan kadar rebat Cukai Taksiran yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:-

- i. 100 % - pejabat pengurusan
- ii. 50 % - tadika
- iii. 50 % - dewan

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri juga bersetuju MPSJ dijadikan sebagai perintis bagi pelaksanaan rebat Cukai Taksiran ini sebelum ianya dilaksanakan oleh PBT lain di negeri Selangor Darul Ehsan. Kerajaan Negeri menunggu analisa MPSJ tentang keberkesanan pelaksanaan projek ini sebelum diselaraskan kepada semua PBT di Negeri Selangor.

Mengikut rekod Majlis, bilangan pegangan yang layak memohon rebat Cukai Taksiran ini adalah seperti berikut:-

Jenis pegangan	Bilangan Pegangan	Jumlah Cukai Taksiran	Peratus Rebat	Jumlah Rebat yang boleh diberikan
Pejabat pengurusan	51	RM 15,898.80	100%	RM 15,898.80
Tadika	44	RM 17,997.72	50%	RM 8,998.86
Dewan	3	RM 1,310.40	50%	RM 655.20
<b>JUMLAH SETAHUN</b>				<b>RM 25,552.86</b>

Syarat-syarat untuk pemberian rebat Cukai Taksiran ini adalah seperti berikut:

- i. Harta bersama tersebut digunakan untuk pejabat pengurusan, tadika atau dewan.
- ii. Pemilik harta adalah Badan Pengurusan Bersama/Joint Management Body (JMB) atau Perbadanan Pengurusan/*Management Corporation* (MC) yang berdaftar.
- iii. Permohonan rebat Cukai Taksiran perlu dibuat setahun sekali dan pemberian rebat akan diberikan pada tahun yang sama permohonan dibuat.
- iv. Pemberian rebat Cukai Taksiran ini akan diproses bagi tahun semasa sahaja.
- v. Pihak JMB atau MC perlu menjelaskan tunggakan bagi semua harta-harta bersama di bawah pemilikan JMB atau MC

Permohonan rebat Cukai Taksiran kini dibuka untuk permohonan bagi tahun 2019 dan borang permohonan boleh diperolehi melalui Laman Web MPSJ atau di Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MPSJ.

- vi) MPSJ telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran (JKSTP) RTSJ2035 sebanyak 4 kali iaitu pada :

MESYUARAT	TARIKH	PENGLIBATAN
Mesyuarat Sidang Pertama Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035	11 – 13 Mac 2019	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengerusi : YB Puan Haniza binti Talha, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan dan Kehidupan Bandar</li> <li>Komuniti di blok perancangan Kinrara (BP 4), Puchong (BP 5), Bandar Putra Permai (BP 6), Seri Kembangan (BP 7).</li> </ul>
Mesyuarat Sidang Kedua Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035	15 Mac 2019	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengerusi : YB Ng Sze Han, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru</li> <li>Komuniti blok perancangan Subang Hi-Tech (BP 2), Putra Heights (BP 3).</li> </ul>
	28 – 29 Mac 2019	

<b>MESYUARAT</b>	<b>TARIKH</b>	<b>PENGLIBATAN</b>
Mesyuarat Sidang Ketiga Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035	16 April 2019	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pengerusi : YB Ng Sze Han, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru</li><li>• Komuniti blok perancangan Subang Jaya – USJ (BP1).</li></ul>

Mesyuarat Sidang Ketiga akan disambung pada :

<b>MESYUARAT</b>	<b>TARIKH</b>	<b>PENGLIBATAN</b>
Mesyuarat Ketiga Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035	9 Mei 2019	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pengerusi : YB Ir. Izham bin Hashim, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani</li><li>• Komuniti di blok perancangan Subang Jaya – USJ (BP1).</li></ul>

- vii) Karnival Seminar Bazar Ramadan MPSJ 2019 sedang diadakan selama 3 hari mengikut zon bermula 23 hingga 25 April 2019 bertempat di Dewan Serbaguna MPSJ, Taman Puchong Indah dan Majlis Perasmian karnival telah disempurnakan oleh YB Dr Siti Mariah Mahmud, Exco Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan

Wanita dan Keluarga Negeri Selangor merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sri Serdang pada 23 April 2019.

Pada tahun ini, terdapat 16 lokasi Bazar Ramadan disediakan dan diseliatkan sepenuhnya oleh Jabatan Pelesenan MPSJ. Manakala terdapat 7 lagi lokasi Bazar Ramadan Berkelompok yang diuruskan oleh penganjur. Jumlah keseluruhan petak bazar ramadan yang ditawarkan di kawasan MPSJ adalah sebanyak 1810 petak niaga.

Penganjuran Karnival Seminar Bazar Ramadan MPSJ 2019 juga telah dijayakan dengan penglibatan rakan penaja utama iaitu Syarikat *Best Marketing & Distributor* Sdn Bhd yang telah memberikan tajaan produk & barangan bernilai RM 90,000 serta rakan agensi lain seperti Lembaga Zakat Selangor, MyNIC, SSDU, Boost ,

Program Seminar Bazar Ramadan MPSJ 2019 pada kali ini turut mengetengahkan

- Kempen Inisiatif Hijau Ke Arah Bazar Ramadan Mampan
- Program Pembangunan Usahawan B40 MPSJ
- Program GO2 Bantu *Sales* Kekal Masyuk Lepas Raya
- Program Anugerah Peniaga Contoh Bazar Ramadan MPSJ

- viii) Program Bazar Ramadan *Food Truck – Food On The Move*- Ramadan Special merupakan program usahasama MPSJ dengan syarikat penganjur KHA Marketing Enterprise, KLFTEA dan Pusat membeli- belah The Summit USJ.

Program Bazar Ramadan *Food Truck Food On The Move*- Ramadan Special akan diadakan di perkarangan Pusat membeli belah The Summit USJ. Program ini akan berlangsung selama 3 hari setiap minggu iaitu pada setiap Jumaat, Sabtu dan Ahad sepanjang tempoh Ramadan, bermula Jumaat, 3 Mei 2019 dan akan berakhir pada Ahad, 2 Jun 2019.

Sebanyak 15 buah foodtruck akan mengambil bahagian di dalam program tersebut. Pengunjung boleh menikmati pelbagai juadah dengan sajian yang pelbagai dan berlainan setiap hari.

Program Bazar Ramadan *Food Truck – Food on the Move – Ramadan Special* turut mengetengahkan inisitif hijau melalui pelaksanaan kempen seperti:-

- Kempen Bebas Polisterina dan Bawa Bekas Makanan Sendiri
- Kempen pengurangan beg plastik
- Kempen “*clean as you go*”
- Kempen bebas *straw*

- ix) Program Rakan Masjid – Imarah Ramadhan Secara “Smart Partnership” Antara Mpsj Dan Jawatankuasa Masjid/Surau Bersama Pangsapuri Dan Kampung Angkat akan diadakan sepanjang bulan Ramadan seperti berikut :

Tarikh : 6 Mei 2019 hingga 4 Jun 2019  
(Sepanjang Bulan Ramadhan)  
Lokasi : 8 Lokasi (2 masjid/surau setiap Zon dari Pangsapuri dan Kampung Angkat)  
Sasaran : Remaja lepasan sekolah, belia, pelajar dan anak yatim  
Anggaran : 400 orang peserta  
(50 orang setiap Masjid/Surau)  
Yuran : Percuma

- x) Mengucapkan Selamat Menyambut Ramadhan al Mubarak bagi yang beragama Islam. Semoga kita diberi kekuatan dan kesihatan bagi menjalankan amalan sepanjang bulan Ramadan.

### **3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 03/2019**

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 03/2019 yang telah diadakan pada 27 Mac 2019 (Rabu) disahkan tanpa pindaan.

#### 4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Tiada

#### 5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

##### 5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.06/2019 Bertarikh 3 April 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 5.3 & m/s 34	Encik Keshminder Singh a/l K.Karam Singh	Permohonan Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan Bagi Cadangan Pembangunan	Beliau ingin memaklumkan berhubung pembinaan projek ini telah menyebabkan berlaku masalah gangguan lalu lintas dan isu trafik.
		Puan Lee Jen Uyin	Satu Blok SOHO (Bangunan	Beliau memaklumkan masalah trafik ini juga turut memberi impak

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			Perniagaan) 26 Tingkat. (Kertas Kerja Bil. 102/06/27/2019)	kepada Jalan Persiaran Setia. Beliau mencadangkan supaya MPSJ melaksanakan Traffic Impact Analysis (TIA).
		Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim		Beliau memaklumkan bahawa projek pembangunan ini adalah terletak di bawah zon 5 manakala Persiaran Setia terletak di bawah zon 4. Pemerhatian mendapati kekerapan kemalangan yang berlaku adalah disebabkan oleh rekabentuk jalan tersebut.  <b>Maklum balas :</b>  Puan Yang Dipertua

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
				<p>memaklumkan bahawa <i>Traffic Impact Analysis</i> telah dilaksanakan. Beliau mengambil maklum berhubung masalah gangguan lalulintas, penambahbaikan lalulintas di Persiaran Setia dan rekabentuk jalan yang telah dibangkitkan. Jabatan berkaitan diminta menyediakan maklum balas lanjut berkenaan isu tersebut dan perkara ini akan dijawab dalam mesyuarat OSC akan datang.</p> <p style="text-align: right;"><b>Tindakan :</b> <b>Jawatankuasa OSC,</b> <b>Jabatan Kejuruteraan</b></p>

## 5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.07/2019 Bertarikh 17 April 2019

---

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

## 5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.04/2019 Bertarikh 9 April 2019

---

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 5.2 & m/s 7	Encik Yap Kok Weng	Laporan Aktiviti / Program Dari Bahagian Kebudayaan Dan Pelancongan Bagi Bulan Mac 2019	Beliau ingin tahu apakah yang dimaksudkan dengan produk pelancongan?  <b>Maklum balas :</b> Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa produk pelancongan adalah apa-apa

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>perkara yang boleh menarik pelancong dalam dan luar negara untuk berkunjung ke kawasan tersebut.</p> <p style="text-align: right;"><b>Makluman</b></p>
2.	Para 7.1, m/s 9	Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim	Kertas Cadangan Aktiviti Santai Hujung Minggu di Hutan Bandar MPSJ USJ 3	<p>Beliau menanyakan adakah MPSJ membenarkan penduduk melakukan sewaan bagi aktiviti / majlis seperti majlis perkahwinan, sambutan hari lahir dan lain-lain di Hutan Bandar MPSJ USJ 3. Berapakah kadar sewaan yang dikenakan?</p> <p><b>Maklum balas :</b> Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>Jabatan Landskap akan menyediakan Garis Panduan Penyewaan Di Hutan Bandar dan ianya akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan Dan Kesejahteraan Bandar untuk dibincangkan secara terperinci.</p> <p style="text-align: center;"><b>Tindakan : Jabatan Landskap</b></p>
3.	Para 7.12, m/s 16	Encik Yap Kok Weng	Kertas Cadangan Mengadakan Pertandingan Bola Sepak Warga Asing 2019	Beliau inginkan penjelasan berkenaan apakah yang dimaksudkan dengan warga asing dan urusetia perlu memastikan warga asing yang menyertai pertandingan

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
				<p>mempunyai permit yang sah.</p> <p><b>Maklum balas :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan matlamat utama cadangan pelaksanaan program ini adalah untuk mendekati komuniti warga asing yang tinggal di kawasan pentadbiran MPSJ. Cara ini merupakan pendekatan mesra bagi menyampaikan hasrat serta peraturan yang ditetapkan agar maklumat tersebut sampai kepada mereka.</p> <p style="text-align: right;"><b>Makluman</b></p>

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
4.	Para 9.2, m/s 19	Encik Yap Kok Weng	Kertas Cadangan Program 'Night Ride Against Crime' Sempena Peringatan Hari Polis 212	<p>Beliau inginkan pencerahan adakah program ini melibatkan penduduk bersama pihak Polis dan terbuka kepada semua penduduk?</p> <p><b>Maklum balas:</b> Puan Yang Dipertua memaklumkan, program ini adalah di bawah peruntukan JKP Zon 3 dengan kerjasama IPD Subang Jaya. JKP kawasan Serdang dialukan untuk melaksanakan program dengan melibatkan kerjasama IPD Serdang.</p> <p style="text-align: right;"><b>Makluman</b></p>

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
5.	Para 9.3, m/s 19	Encik Yap Kok Weng	Kertas Laporan Status Penggunaan Balai Masyarakat dan Kabin JKP MPSJ 2019.	<p>Beliau menanyakan berkaitan pengurusan balai masyarakat Zon 8 dan Zon 11 yang akan diambil alih dan diuruskan oleh pihak Majlis. Bagaimanakah cara sekiranya balai masyarakat tersebut hendak digunakan oleh penduduk?</p> <p><b>Maklum balas :</b> Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa balai masyarakat yang diambil alih oleh Majlis adalah mengikut sistem Majlis dan perlu ditempah melalui Majlis.</p> <p style="text-align: right;"><b>Makluman</b></p>

#### 5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.04/2019 Bertarikh 11 April 2019

---

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 3.1 & m/s 2	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Status Prestasi kerja KDEB Waste Management	Beliau menanyakan apakah maksud peruntukan tambahan RM 1.5 juta kepada pihak KDEB Waste Management?  <b>Maklum balas :</b> Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa peruntukan tambahan RM 1.5 juta tersebut tidak melibatkan KDEB Waste Management. Peruntukan tersebut diletakkan dalam peruntukan Jabatan Landskap kerana

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
				sebahagian daripada masalah yang dihadapi di taman-taman permainan adalah disebabkan penyerahan kerja daripada Jabatan Pengurusan Alam Sekitar kepada Jabatan Landskap. Masalah <i>method</i> / kaedah pengiraan yang berbeza telah menyebabkan Jabatan Landskap tidak dapat melaksanakan kerja mengikut KPI dan skop yang telah ditetapkan kerana kekurangan bajet. Oleh itu, mesyuarat telah bersetuju untuk memberikan peruntukan tambahan

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
				<p>sebanyak RM1.5 juta kepada Jabatan Landskap bagi menampung kos terhadap skop kerja yang telah ditetapkan.</p> <p style="text-align: right;"><b>Makluman</b></p>
2.	Para 5.1 & m/s 4	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Cadangan Penyelesaian Parkir dan Pengurusan Jalan Di Dataran Mutiara Taman Serdang Jaya, Seri Kembangan	<p>Beliau ingin mengetahui kenapa parkir di Dataran Mutiara Taman Serdang Jaya, Seri Kembangan diuruskan oleh Matrix Parking Solution Sdn. Bhd memandangkan parkir tersebut difahamkan adalah di bawah tanggungjawab pihak Majlis.</p> <p><b>Maklum balas :</b> Puan Yang Dipertua</p>

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
				<p>memaklumkan bahawa parkir yang merupakan sub basement adalah direkabentuk supaya diserahkan kepada Majlis. Walaupun rekabentuk telah ditandatangani sewaktu pelan kelulusan namun parkir ini tidak dapat berfungsi dengan baik dan sentiasa menghadapi masalah banjir apabila hujan lebat. MPSJ tidak mahu menerima parkir ini walaupun ianya terletak dalam rizab awam kerana sekiranya MPSJ menerima parkir tersebut, MPSJ perlu bertanggungjawab terhadap sebarang kos</p>

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
				<p>bagi menyelesaikan permasalahan yang timbul.</p> <p>Oleh itu, MPSJ bersetuju apabila terdapat syarikat yang sudi bertanggungjawab dan ingin menyelenggara parkir tersebut. Syarikat Matrix Parking Solution Sdn. Bhd perlu menandatangani persetujuan dengan pemaju memandangkan parkir tersebut masih di bawah pemaju kerana MPSJ masih belum setuju untuk menerima parkir tersebut.</p> <p style="text-align: right;"><b>Makluman</b></p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
3.	Para 5.2 & m/s 4	Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli	Permohonan Bagi Mendapatkan Kelulusan Terhadap Cadangan Penyelesaian Luar Mahkamah Yang Dikemukakan Oleh Pihak Sri Ternak Mart (SK) Sdn Bhd	<p>Beliau ingin penjelasan kenapa mesyuarat menolak permohonan bagi cadangan penyelesaian luar mahkamah yang dikemukakan oleh Pihak Sri Ternak Mart (SK) Sdn Bhd.</p> <p><b>Maklum balas :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua menjelaskan bahawa, MPSJ telah merobohkan struktur binaan haram yang telah dibina oleh syarikat tersebut. Struktur robohan telah dijual dan syarikat tersebut telah membawa kes ini ke Mahkamah bagi</p>

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
				<p>menuntut struktur robohan mereka. Untuk makluman, apabila MPSJ melaksanakan rampasan atau sitaan barang ianya akan disimpan dan dipulangkan setelah bayaran / denda diselesaikan. Walau bagaimanapun, sekiranya MPSJ melaksanakan robohan, struktur robohan tidak dipulangkan dan dijual. Oleh yang demikian, MPSJ dalam proses mendapatkan pandangan perundangan daripada pihak Penasihat Undang-Undang Negeri dan Penasihat</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				Undang-Undang Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana kes ini akan menjadi dasar kepada semua PBT lain.  <b>Makluman</b>

**5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.03/2019 Bertarikh 11 April 2019**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan Dan Kemudahan Awam Majlis Perbandaran Subang Jaya bil. 04/2019 bertarikh 15 April 2019**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 4.3(1.3) & m/s 6	Encik Yap Kok Weng	Laporan Status Projek Pembangunan Infrastruktur Bagi Tahun 2019 – Projek MARRIS 2019	Beliau mencadangkan bagi projek Marris yang akan diaudit oleh pihak SUK setelah kerja-kerja siap di tapak, dimohon pengauditan dilaksanakan bersama Jawatankuasa Audit Dalam MPSJ.  <b>Maklum balas :</b> Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa Jawatankuasa Audit Dalam MPSJ boleh melaksanakan pengauditan bersama

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>pihak SUK terhadap projek-projek Marris yang telah siap kerja-kerja di tapak.</p> <p style="text-align: center;"><b>Tindakan : Jabatan Audit Dalam</b></p>
2.	Para 4.5 & m/s 7	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Laporan Banjir Kilat di Kawasan MPSJ pada 3 April 2019	Beliau memaklumkan bahawa, melihat kepada tindakan penyelesaian dan status laporan banjir kilat mendapati ianya lebih kepada tanggung jawab pihak JPS. Beliau berpandangan, bagi penyelesaian terhadap masalah banjir, MPSJ perlu melihat kepada isu pembangunan dan kawasan sekitar kerana hasil pemerhatian mendapati air dari

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
				<p>kawasan tinggi yang mengalir masuk dengan laju ke jalan raya menjadi punca utama berlakunya banjir kilat. MPSJ perlu membuat perbincangan lanjut bagi penyelesaian perkara ini dengan pihak UPM dan MRT.</p> <p><b>Maklum balas :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa hasil pemeriksaan lanjut di tapak, 2 perkara telah dipersetujui iaitu :</p> <p>i) Mengadakan perbincangan di Peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi</p>

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
				<p>bagi memohon kolam tadahan di dalam kawasan milik UPM. Usaha ini mampu melambatkan aliran air hujan turun ke bawah.</p> <p>ii) Perbincangan dengan pihak MRT kerana terdapat tindakan jangka masa pendek yang boleh dilaksanakan segera seperti melakukan aktiviti pelebaran sungai. Manakala isu peletakan lokasi batang tiang yang mengganggu aliran air perlu dibincangkan dengan lanjut.</p>

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
				<p>Jabatan Kejuruteraan dimohon melaksanakan tindakan susulan terhadap 2 perkara yang telah dipersetujui. MPSJ memerlukan bantuan ahli Parlimen bagi membawa isu berkaitan UPM kepada pihak Kementerian Pendidikan Tinggi dan isu MRT kepada Kementerian yang berkaitan.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan Kejuruteraan</b></p>

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
3.	Para 5.3.2 & m/s 13	Encik Yap Kok Weng	Projek Jalan Kedua Bukit Tandang	<p>Beliau memohon agar dibuat pindaan bagi perkataan KESAS kepada LLM.</p> <p><b>Maklum balas :</b> Puan Yang Dipertua mengambil maklum dan meminta urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan Dan Kemudahan Awam melaksanakan pindaan terhadap perkara tersebut.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan Kejuruteraan</b></p>

## 5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.03/2019 Bertarikh 17 April 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	-	Encik Yap Kok Weng	Jawatankuasa Kecil Sampah Haram	<p>Beliau ingin tahu adakah ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Sampah Haram terdiri daripada ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan Dan Kesejahteraan Bandar.</p> <p><b>Maklum balas :</b> Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa sebarang Jawatankuasa Kecil adalah terbitan daripada Mesyuarat Jawatankuasa.</p> <p style="text-align: right;"><b>Makluman</b></p>

**5.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan  
Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 04/2019 bertarikh  
18 April 2019**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju**  
**menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam  
laporan tersebut.

**6.0 PEMBENTANGAN KERTAS KERJA / LAPORAN**

**6.1 Kertas Cadangan Menerima Pakai Pekeliling Ketua  
Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan bilangan 4 Tahun 2017 iaitu Pelan  
Tindakan Tandas Awam Kebangsaan Bersama Manual  
Pembersihan Tandas Awam**

Kertas kerja ini disediakan oleh Jabatan Kesihatan dan  
dibentangkan oleh Pengarah Kesihatan.

**Keputusan Mesyuarat :**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju menerima  
pakai pekeling Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan  
Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bilangan 4 Tahun  
2017 iaitu Pelan Tindakan Tandas Awam Kebangsaan Bersama  
Manual Pembersihan Tandas Awam. Promosi dan kesedaran

perlu digiatkan kepada penduduk di pentadbiran MPSJ. Kempen dan kesedaran perlu dibuat secara menyeluruh termasuk di peringkat pendidikan awal kanak-kanak.

**Tindakan: Jabatan Kesihatan**

**6.2 Kertas Cadangan Menerima Pakai Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bilangan 5 Tahun 2017 iaitu Garis Panduan Kawalan Tikus di Pihak Berkuasa Tempatan**

Kertas kerja ini disediakan oleh Jabatan Kesihatan dan dibentangkan oleh Pengarah Kesihatan.

**Keputusan Mesyuarat :**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju menerima pakai pekeling Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bilangan 5 Tahun 2017 iaitu Garis Panduan Kawalan Tikus di Pihak Berkuasa Tempatan.

**Tindakan: Jabatan Kesihatan**

**6.3 Kertas Cadangan Menerima Pakai Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bilangan 1 Tahun 2018 iaitu Garis Panduan Pemasangan Perangkap Minyak di Premis Makanan di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan**

Kertas kerja ini disediakan oleh Jabatan Pelesenan dan dibentangkan oleh Pengarah Pelesenan.

**Keputusan Mesyuarat :**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju menerima pakai pekeling Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bilangan 1 Tahun 2018 iaitu Garis Panduan Pemasangan Perangkap Minyak di Premis Makanan di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.

**Tindakan: Jabatan Pelesenan**

#### **6.4 Pembentangan Draf Penyata Kewangan MPSJ bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018**

Laporan Penyata Kewangan MPSJ ini disediakan oleh Jabatan Perbendaharaan dan dibentangkan oleh Pengarah Perbendaharaan.

**Keputusan Mesyuarat :**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju menerima laporan Penyata Kewangan MPSJ bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018.

**Tindakan: Jabatan Perbendaharaan**

## **7.0 PENUTUP**

Puan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.50 tengahari.

Tarikh Disediakan : 24 April 2019

**" SELANGOR MAJU BERSAMA "**

**" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "**

**Disediakan oleh;**

.....  
**(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI),** A.M.N., A.M.S.

Setiausaha Perbandaran

**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

**Disahkan oleh;**

.....  
**(TPr. NORAINI BINTI ROSLAN),** S.I.S., P.P.T

Yang Dipertua

**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

## LAMPIRAN A

### HADIR

- |     |   |   |                         |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1.  | Puan Noraini binti Roslan, S.I.S., P.P.T<br>Yang Dipertua                       | - | Pengerusi               |
| 2.  | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.<br>Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha<br>Mesyuarat |
| 3.  | Encik Yap Kok Weng  | - | Ahli Majlis             |
| 4.  | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli  | - | "                       |
| 5.  | Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim  | - | "                       |
| 6.  | Encik Mohd Tarmizi bin Lazim  | - | "                       |
| 7.  | Encik M Anbarasan a/l Murugesu  | - | "                       |
| 8.  | Encik Mohd Fitri bin Jamaludin  | - | "                       |
| 9.  | Puan Kavitha a/p Chandragesan   | - | "                       |
| 10. | Encik Ismail Kamal bin Abdul Rahman   | - | "                       |

11.	Encik Keshminder Singh a/l K.Karam Singh	-	"
12.	Encik Thomas Low Yew Sin	-	"
13.	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	-	"
14.	Encik Mehanatan a/l Embamurthi	-	"
15.	Encik Chia Yew Ken	-	"
16.	Encik Thamilarasu Sandayan	-	"
17.	Encik Wong Yii Seang	-	"
18.	Puan Lee Jen Uyin	-	"
19.	Puan Ng Seow Chen	-	"
20.	Encik Abbas Salimmi bin Che Adzmi @ Azmi	-	"
21.	Encik Koh Eng Kee	-	"
22.	Dato' Kamaruzaman bin Ibrahim	-	"
23.	Encik Ahmad Faidzal bin Mohamed	-	"

## **TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)**

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
  
2. Tuan Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N, A.M.S  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
  
3. Puan Hamizun binti Hj. Mohamad Basar, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
  
4. Encik Ismail bin Muhamad, A.I.S  
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
  
5. Encik Muhammad Zaki bin Yusof  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
  
6. Encik Ismail bin Salim  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
  
7. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.  
Pengarah, Jabatan Kesihatan
  
8. Puan Hjh Anita binti Abd Jalil, P.P.T.  
Pengarah, Jabatan Undang-Undang

9. Sr. Aida binti Omar MRISM  
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
  
10. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Hasil
  
11. Puan Hjh Azura binti Mohd Don  
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
  
12. Encik Muhammad Azli bin Miswan  
Pengarah, Jabatan Pelesenan
  
13. Encik Nazarudin bin Mashtuki  
Pengarah, Jabatan Kontrak & Ukur Bahan
  
14. Encik Samzol bin Saat  
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
  
15. Cik Rozdiana binti Mohd Rosmi  
Pengarah, Jabatan OSC
  
16. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.  
Pengarah, Jabatan Bangunan
  
17. Sr. Mohd Marwan bin khalilludin  
Pengarah, Jabatan COB

18. Puan Rosmawati binti Zainuddin  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap
  
19. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Audit Dalam
  
20. Puan Emilia binti Nasir  
Penolong Pengarah, Unit Integriti
  
21. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin  
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar

**TURUT HADIR (PEMERHATI)**

1. Tuan Haji Abdul Malek bin Hassan  
Pegawai Khas Ahli Parlimen Kota Raja

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

- |                                    |   |             |
|------------------------------------|---|-------------|
| 1. Puan Sharmazira binti Md Sharif | - | Ahli Majlis |
| 2. Encik Tai Cheng Heng            | - | "           |

## **URUS SETIA**

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda  
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
  
2. Puan Mazura binti Mohamad  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
  
3. Puan Juliana binti Jaafar  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan